

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan senarai semua projek tambakan laut dan sungai dalam negara mengikut tarikh kelulusan Laporan Impak Alam Sekitar masing-masing sejak tahun 2000 hingga kini. Adakah benar bahawa Laporan Pernilaian Impak Alam Sekitar projek infrastruktur untuk pembinaan lebuh raya, rel dan tanah tambakan laut tidak boleh diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sekiranya ia tidak wujud dalam Rancangan Struktur Negeri yang telah diwartakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), di antara tahun 2000 hingga 2021, sebanyak 28 Laporan Penilaian kesan kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment - EIA*) bagi aktiviti penambakan telah diluluskan seperti berikut:

- (i) Johor – 11 laporan;
- (ii) Melaka – 7 laporan;
- (iii) Pulau Pinang – 3 laporan;
- (iv) Kedah – 2 laporan;
- (v) Wilayah Persekutuan Labuan – 2 laporan;
- (vi) Negeri Sembilan – 1 laporan;
- (vii) Pahang – 1 laporan; dan
- (viii) Perak – 1 laporan.

2. Mengikut peruntukan di bawah Seksyen 34A(4), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974), Ketua Pengarah JAS tidak boleh meluluskan Laporan EIA sekiranya cadangan pembangunan projek tidak mengikut rancangan fizikal atau rancangan pemajuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan atau tidak memenuhi keperluan-keperluan garis panduan EIA yang telah ditetapkan.

3. Kementerian juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa JAS adalah merupakan satu jabatan teknikal yang bertanggungjawab meluluskan kajian Laporan EIA sahaja berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah antara projek mega yang sedang dikenal pasti bagi merencanakan pembangunan ekonomi di Pantai Timur khususnya di Kelantan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kedudukan kewangan Kerajaan pada masa kini, Kerajaan lebih memberi perhatian kepada pelaksanaan projek-projek yang mempunyai impak yang tinggi dan dapat memberi manfaat yang segera kepada rakyat seperti pembinaan/menaik taraf jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan dan sekolah berbanding pelaksanaan projek mega. Selain itu, projek-projek sedia ada termasuk projek-projek mega yang telah diluluskan sebelum ini akan diteruskan pelaksanaannya dalam usaha untuk memacu ekonomi negara.

2. Bagi tahun 2021, iaitu tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), sebanyak RM1.80 bilion peruntukan pembangunan telah diperuntukkan kepada negeri Kelantan dengan pecahan sebanyak RM487.6 juta untuk 132 projek baharu dan RM1.31 bilion untuk 241 projek sambungan.

3. Bagi tahun 2022 pula, sebanyak RM2.39 bilion telah diperuntukkan kepada negeri Kelantan di mana RM2.27 bilion adalah untuk membiayai 286 projek sambungan dan RM118.9 juta untuk membiayai 65 projek baharu. Antara lain, projek pembangunan yang telah diluluskan termasuklah:

- i. Lebuhraya *Central Spine Road*;
- ii. Pembesaran Dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan;
- iii. Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa I;
- iv. Pembinaan Bangunan Guna Sama, Tunjong, Kota Bharu, Kelantan;
- v. Pembinaan Jambatan Palekbang-Kota Bharu; dan
- vi. Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir di Negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.